

04/03/1997

PM sokong penubuhan dana khas

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengalu-alukan penubuhan dana khas setiap negara anggota Asean bagi menghadapi masalah kewangan.

Perdana Menteri berkata, cadangan itu adalah satu idea yang bagus dan boleh membantu negara anggota jika menghadapi masalah kewangan.

"Saya fikir itu satu idea yang bagus. Kita tidak mahu mana-mana negara Asean menghadapi masalah kewangan. Jadi kita boleh ada tabung untuk membantu masa kecemasan, kita patut ada," katanya mengulas mesyuarat Menteri Kewangan Asean yang pertama di Phuket, Thailand.

Mesyuarat itu setuju negara anggota mewujudkan dana khas bagi menangani masalah pertimbangan kewangan tidak menentu dan spekulasi asing yang berlebihan.

Dr Mahathir bagaimanapun, tidak memberitahu jumlah peruntukan kerajaan dalam dana itu.

"Anda perlu tanya kepada Menteri Kewangan (Datuk Seri Anwar Ibrahim)," katanya selepas melancarkan Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara di Medan Idaman, Batu 5.5 Jalan Gombak di sini, petang ini.

Perdana Menteri turut ditanya keputusan Amerika Syarikat memanggil Australia dalam Mesyuarat G6 di Tokyo, Jepun.

Katanya, Malaysia tidak berhak memberi komen penyertaan Australia dalam mesyuarat itu.

(END)